



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Kenyataan Akhbar

19hb Januari 2022

**Kacau ganggu dari tapak pengumpulan bahan kitar semula dan besi buruk
di Kampung Lima Kongsi, Sungai Bakap, Pulau Pinang**

Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan dan pihak berkuasa berkenaan supaya mengambil tindakan terhadap masalah yang timbul daripada aktiviti pemprosesan dari tapak pengumpulan kitar semula dan besi buruk yang menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk di kampung dan taman perumahan di kawasan Lima Kongsi, Sungai Bakap.

Sebilangan penduduk-penduduk tempatan di sini kurang senang dengan aktiviti dari tapak pengumpulan kitar semula yang beroperasi di Kampung Lima Kongsi terutamanya bahagian pengumpulan dan pemprosesan besi buruk. Jarak antara premis berkenaan dengan kawasan penempatan lebih kurang 50 ke 100 meter manakala yang paling hampir hanya belakang rumah sahaja.

Menurut penduduk mereka agak terganggu dengan bunyi bising hentakan yang kedengaran dari tapak berkenaan. Hentakan yang dilakukan tersebut kononnya adalah untuk mendapatkan besi yang terdapat dari bahan batuan konkrit. Aktiviti terbabit adakalanya berlarutan sehingga jam 7 hingga ke 8 malam pada setiap hari dan mengganggu ketenteraman penduduk di sini khasnya anak-anak yang sedang belajar melalui kelas online dan sebagainya.

Selain bunyi bising mereka juga turut berhadapan dengan masalah debu dan habuk dari kenderaan yang kerap melalui jalan utama. Kenderaan berat (lori) juga sering keluar masuk ke premis terbabit. Menurut penduduk, ia bukan saja menyebabkan pencemaran udara, malah mengancam keselamatan penduduk apabila terdapat banyak kenderaan termasuklah kenderaan berat melalui jalan utama secara kerap.

Masalah habuk dan debu yang berterbangan itu semakin serius ketika musim panas sekarang dan menyebabkan kebanyakan kediaman mereka diselaputi debu pasir. Penduduk juga kluatir kemungkinan akan mengakibatkan masalah kesihatan pada masa hadapan.

Lanjutan dari operasi premis di sini, penduduk, terutamanya yang tinggal paling hampir dengan premis berkenaan berasa tidak selesa dengan keadaan ini. SAM juga dimaklumkan bahawa aktiviti ini dijalankan di atas tanah persendirian, namun kami berpendapat bahawa adalah tidak sesuai memandangkan ia sangat dekat dengan kawasan penduduk.

SAM juga telah mengetengahkan perkara ini ke pengetahuan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), namun sehingga kini tidak menerima maklum balas daripada pihak berkenaan tentang tindakan yang diambil ke atas aduan SAM.

Berikutan itu, sebahagian penduduk mempersoalkan lesen operasi yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada premis berkenaan. Apakah bentuk syarat lesen yang terkandung dalam garis panduan bagi sebarang premis berkaitan pengumpulan kitar semula, bahan lusuh dan besi buruk.

Sehubungan itu, SAM menggesa kepada semua Pihak Berkuasa Negeri agar komited dalam menjalankan

pemantauan dan penguatkuasaan yang telus. Jika siasatan yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa mendapati pihak premis menyalahgunakan syarat, lesen dan permit maka tindakan yang sewajarnya yang bertepatan perlu diambil.

Meenakshi Raman

Presiden

Sahabat Alam Malaysia (SAM)